



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 JULAI 2020 (SABTU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

25 JULAI 2020 (SABTU)



Senarai Harga Kawalan

Barang	Harga (RM/kg)
• Ayam	5.60
• Daging Lembu Tempatan	34
• Daging Lembu Import	20
• Telur Gred A	9.70
• Ikan Kembung	6.99
• Minyak Masak	5.30
• Gula Pasir	2.75
• Bawang Besar Holland	1.90
• Bawang Putih	2.49
• Cili Merah	6.20
• Kubis Bulat Tempatan	1.69
• Tepung Gandum	2.15

Sumber: KPDNHEP

Harga runcit RON95, RON97 dan diesel turun

KUALA LUMPUR - Harga runcit RON95 dan RON97 turun empat sen, masing-masing RM1.68 dan RM1.98 seliter, manakala diesel pula turun lima sen kepada RM1.82 seliter untuk tempoh seminggu bermula tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan semalam berkata, penurunan harga runcit produk petroleum itu dipengaruhi perubahan harga minyak yang diproses, selari dengan trend harga minyak mentah ketika ini.

“Kerajaan akan terus



memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah bersesuaian bagi

memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara,” menurut kenyataan itu. - *Bernama*

1,244 rakyat pulang ke tanah air

KUALA LUMPUR - Mulai semalam, rakyat Malaysia yang pulang ke tanah air perlu menjalani proses kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin yang ditetapkan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, seramai 1,244 rakyat telah pulang ke tanah air kelmarin melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 dari China, Indonesia, Qatar, UAE, Singapura, Kemboja, Jepun, Laos, Belanda, India serta Korea.

“Seramai 1,243 individu telah diperintah untuk menjalani proses kuarantin wajib di kediaman mereka, manakala seorang telah dibawa ke hospital,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat saringan ke atas 24,701 individu di pintu masuk KLIA dari 10 Jun hingga 23 Julai lalu.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, seramai 24,621 individu didapati negatif koronavirus (Covid-19) dan



ISMAIL SABRI

sedang menjalani proses kuarantin wajib di kediaman masing-masing, manakala seramai 80 individu lagi didapati positif dan dihantar ke hospital untuk rawatan.

Mengenai Ops Sanitasi Awam, Ismail Sabri berkata, sebanyak 10 operasi sanitasi di Sabah dan Pahang dijalankan kelmarin melibatkan enam anggota Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia serta 122 anggota pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membuat pemantauan harian ke atas 12 jenis bekalan barangan di 720 premis perniagaan kelmarin.

Menurutnya, KPDNEHP turut melakukan 1,745 pemeriksaan khas mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan mendapati sebanyak 1,699 premis mematuhi SOP, 45 premis diberi nasihat, manakala sebuah premis diberi amaran kerana tidak patuh SOP. - *Bernama*